

KEMAHIRAN MEMBACA

(PAHLAWAN CHEKA)

No. 12, Kampung Ulu Cheka,
27000 Jerantut,
Pahang.
6 Jun 20□□

Menemui sahabatku, Adibah, yang kini berada di Lumut, Perak, dengan selamatnya.

Saudari,

Apa khabar? Semoga saudara dalam keadaan sihat dan berbahagia di samping keluarga yang tersayang. Buat pengetahuan saudara, saya sekarang di rumah datuk saya, Tuk Haji Salleh, di Kampung Ulu Cheka.

Datuk banyak bercerita tentang seorang tokoh yang terkenal dengan sejarah kepahlawanan. Tokoh tersebut ialah Pawang Nong atau nama sebenarnya, Haji Nong Taib bin Santan.

Menurut ceritanya, Pawang Nong telah membuka Kampung Ulu Cheka pada 7 Julai 1907. Beliau pahlawan terbilang yang pernah terlibat dalam Peperangan Perlok dan Perang Terbul bagi mempertahankan Kampung Ulu Cheka daripada serangan komunis. Kehebatan beliau terserlah apabila beliau berjaya menyelamatkan seorang pembesar negeri yang ditahan komunis di Tong Kiat, Maran, pada tahun 1945.

Saudari,

Untuk pengetahuan saudara, Pawang Nong telah dianugerahi pingat *British Empire Medal* (BEM). Selain itu, beliau juga dianugerahi pingat Ahli Mangku Negara (AMN) dan Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) sebagai menghargai jasa dan pengorbanan beliau.

Pada 10 November 1977, Pawang Nong telah pergi menghadap Ilahi. Sebagai menghargai jasa beliau, sebuah sekolah di Ulu Cheka telah dinamai Sekolah Kebangsaan Pawang Nong.

Demikianlah kisah perjuangan seorang tokoh yang wajar kita kenang. Saya berharap agar perkongsian maklumat ini dapat membuka mata dan minda kita untuk lebih menghargai perjuangan wira bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Fashana

(Sumber: *Kosmo*, 1 September 2012

Utusan Malaysia, Khamis 17 Oktober 2013)



Teladani Sejarah Harqai Warisan

Haji Nong Taib bin Santan

ARAHAN:

Sila baca petikan di atas terlebih dahulu. Kemudian, jawab soalan pemahaman di bawah:

1. Apakah nama sebenar Pawang Nong?

- | | |
|------------|------------------------------|
| A. Adibah | C. Haji Nung Taib bin Santan |
| B. Farhana | D. Haji Nong Taib bin Santan |

2. Bilakah Pawang Nong membuka Kampung Ulu Cheka?

- | | |
|------------------|------------------|
| A. 08 Julai 1907 | C. 07 Julai 1907 |
| B. 07 Julai 1970 | D. 08 Julai 170 |

3. Berikut merupakan sumbangan beliau,

- I. Terlibat dalam Peperangan Perlok
- II. Terlibat dalam Peperangan Dunia Kedua
- III. Menyelamatkan seorang pembesar negeri
- IV. Mempertahankan Kampung Ulu Cheka daripada serangan komunis.

- | | |
|------------------|-------------------|
| A. I dan II | C. II, III dan IV |
| B. I, III dan IV | D. Semua di atas |

4. Berikut merupakan anugerah yang pernah diterima oleh beliau,

- I. Panglima Gagah Angkatan Tentera
- II. British Empire Medal
- III. Ahli Mangku Negara
- IV. Pingat Jaksa Kebaktian

- | | |
|------------------|-------------------|
| A. I dan II | C. II, III dan IV |
| B. I, III dan IV | D. Semua di atas |

5. Mengapakah kita harus menghargai pengorbanan tokoh negara?

- A. Menyemai semangat cinta akan negara.
- B. Memperkukuhkan ekonomi negara.
- C. Merapatkan jurang globalisasi.
- D. Mereka sanggup berkorban nyawa.

KEMAHIRAN MENULIS (Kelebihan Permainan Tradisional)

membentuk semangat berpasukan

memupuk sikap bertolak ansur

kelebihan permainan tradisional

berfikiran kreatif.



Gambar rajah menunjukkan _____. Antara kelebihan permainan tradisional ialah kita dapat _____. Misalnya, permainan galah panjang memerlukan semangat berpasukan untuk mencipta kemenangan. Selain itu, permainan tradisional dapat _____. Sikap bertolak ansur sesama rakan dalam permainan penting untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan. Seterusnya, permainan tradisional juga membolehkan kita untuk _____. Hal ini demikian kerana kita dapat berfikir secara kritis dan kreatif semasa memainkan permainan tradisional supaya permainan tersebut kelihatan lebih menarik. Kesimpulannya, permainan tradisional perlu terus dimartabatkan agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

(92 patah perkataan)